



SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA (SMKA) JOHOR BAHRU

Dikemaskini pada 23 April 2021

Aktiviti dibenarkan

- Kekal berada dalam kawasan Sekolah dan Asrama
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan kecemasan

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar/masuk ke kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM

Arahan Tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah Jabatan Pendidikan Malaysia
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

Waktu Berkuat Kuasa

24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan

Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan

Dibenarkan dengan bersyarat

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kawasan yang Terlibat	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Johor Bahru
Tempoh Kuat Kuasa	23 April 2021 (12.01 am) hingga 6 Mei 2021 (11.59 pm)
Kawalan Pergerakan	<ul style="list-style-type: none"> • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM dan RELA. • Laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup dan dikawal kemasukan oleh PDRM. • Pergerakan keluar masuk pelajar dalam kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan. Kebenaran hanya boleh diberikan oleh pihak PDRM dan KKM berdasarkan case to case basis. • Tiada tetamu atau pelawat luar dibenarkan masuk sepanjang tempoh PKPD berkuatkuasa. • Pergerakan keluar masuk untuk perkhidmatan perlu berkaitan pengoperasian asrama seperti bekalan bahan memasak, syarikat pengurusan sisa pepejal, syarikat pengurusan sisa klinikal dan lain-lain dibenarkan dengan kebenaran PDRM dan KKM.
Saluran Makanan Dan Barang Keperluan Asas	<ul style="list-style-type: none"> • Bekalan makanan dan keperluan asas akan diselaraskan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Daerah. • Sumbangan keperluan makanan dan barangan keperluan dari NGO, ADUN kawasan dan lain-lain sumber akan diselaraskan oleh PKOB Daerah.
Aktiviti Dalam Kawasan PKPD	<ul style="list-style-type: none"> • Semua aktiviti sosial, keagamaan, sukan dan rekreasi adalah TIDAK DIBENARKAN. • Saringan secara bersasar kepada pelajar dalam kawasan PKPD akan dilaksanakan oleh KKM • Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Kerajaan.